

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 MAC 2016 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	KBD berjaya turunkan kes denggi 49 peratus	Utusan Malaysia
2.	Projek perintis hapus denggi berkesan	Berita Harian
3.	MOSTI bakal perluas Program Komuniti Bebas Denggi ke lima negeri	BERNAMA
4.	Home kits cut dengue cases by half	Malay Mail
5.	Public must act to fight dengue	The Sun
6.	Enam kawasan capai paras gelombang haba	Utusan Malaysia
7.	6 kawasan catat suhu tertinggi	Kosmo
8.	6 kawasan capai paras ambang gelombang haba	Sinar Harian
9.	Enam kawasan catat suhu tinggi 35 darjah Celcius	BERNAMA
10.	6 kawasan capai ambang gelombang haba	Berita Harian
11.	Action plan to be based haze strategy	New Straits Times
12.	Planting season delayed	The Star
13.	'No outdoor activities if weather too hot'	The Sun
14.	Trainee cop first heatstroke fatality	Malay Mail
15.	Ibu bapa dimaklum awal penutupan sekolah	Utusan Malaysia
16.	Trainee police constable dies of heatstroke	New Straits Times
17.	El Nino : Pembakaran terbuka di Perak terkawal	BERNAMA
18.	Gempa bumi lemah landa Ranau	BERNAMA

19.	Spare a thought for ozone layer	New Straits Times
20.	Komersialkan lima hasil R&D	Berita Harian
21.	Pull the plug on misleading ads	New Straits Times
22.	TPM akan peruntukan dana berjumlah RM10 juta untuk usahawan Bumiputera	BERNAMA
23.	Suami isteri dihadapkan ke mahkamah tuduhan edar 247 kg dadah	BERNAMA
24.	A night at the Planetarium	The Star



MADIUS TANGAU (tengah) bersama pelajar menunjukkan kit rumah perlindungan lengkap denggi di Perpustakaan Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Kementerian rancang perluas ke lima negeri lagi

KBD berjaya turunkan kes denggi 49 peratus

Oleh SHEILA RANI
CHANDRASEKARAN

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 MAC

PROGRAM Komuniti Bebas Denggi (KBD) yang dilaksanakan di beberapa kawasan berisiko tinggi menunjukkan prestasi memberangsangkan apabila laporan pemantauannya merekodkan penurunan kes denggi sebanyak 49 peratus sepanjang tempoh Jun sehingga Disember tahun lalu.

Projek perintis di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama EntoGenex Industries Sdn. Bhd. dan Inno Biologics Sdn. Bhd. dilancarkan pada Jun 2015 dan telah dilaksanakan di 30 komuniti iaitu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor dan Selangor yang mencatatkan kes denggi tinggi sejak tahun 2014.

Sehubungan itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, pihaknya merancang meluaskan pelaksanaan fasa kedua program tersebut ke lima negeri lagi iaitu di Perak, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan

dan Sabah dalam masa terdekat.

“Salah satu bidang inovasi yang difokuskan oleh Kementerian ialah membangunkan teknologi untuk membantu mengawal wabak denggi. Lokasi-lokasi baharu di bawah fasa kedua program ini akan menyediakan data-data terkini dan penglibatan komuniti dalam mengguna pakai produk berinovasi untuk mengawal penularan wabak denggi.

“Malah, kami juga akan meningkatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan terutamanya Kementerian Kesihatan, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), agensi dan kementerian berkaitan bagi membolehkan semua yang terlibat bersama-sama melawan wabak denggi serta penyakit vektor lain seperti virus Zika secara berkesan,” katanya dalam sidang akhbar pada majlis Penyerahan Kit Rumah Program KBD, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI, Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul dan Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail.

Mengulas lanjut, Madius berkata, fasa lanjutan itu amat pen-

ting berikutan akan menjadi asas penambahbaikan dari segi penyelidikan dan pengumpulan data.

Katanya, sepanjang tempoh program itu, sebanyak 100,000 kit rumah diagihkan ke rumah-rumah yang telah dikenal pasti iaitu di negeri Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Putrajaya.

“Kit ini mengandungi MOUSTI-cide iaitu produk pencegah nyamuk pada peringkat larva nyamuk, Denguard iaitu krim penghalang nyamuk, perangkap ovi larva Aedes yang direka khas bagi membunuh sistem pembiakan aedes, cakera digital (CD) yang mengandungi aplikasi dan permainan serta bahan bacaan dalam bentuk buku dan risalah,” katanya.

Dalam pada itu, Madius turut berharap kit rumah itu dapat dijadikan contoh dalam usaha kementeriaannya untuk mempromosi kegiatan komersial industri bioteknologi yang berinovasi selaras dengan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Katanya, kit rumah untuk jualan di pasaran boleh didapati pada pertengahan April ini.

Projek perintis hapus denggi berkesan

» Tiga negeri catat penurunan kes 49 peratus

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Program Komuniti Bebas Denggi (KBD) yang dilancarkan Jun tahun lalu, mula menampilkan kesan susulan penurunan 49 peratus kes dilaporkan di 30 komuniti di tiga negeri.

Projek perintis hasil usaha agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Inno Biologics Sdn Bhd, dengan kerjasama EntoGenex Industries Sdn Bhd (EntoGenex) itu berupaya menjadi penyelesaian penting terhadap penyakit bawaan nyamuk terutama denggi di negara ini.

Menterinya, Datuk Madius Tangau, berkata program itu dilaksanakan di Johor, Selangor dan ibu negara antara Jun hingga Disember tahun lalu, berikutan rekod kes denggi yang tinggi sejak tahun 2014.

Menerusi program itu, katanya,



sebanyak 100,000 kit rumah KBD diagih di komuniti terpilih negeri terbabit dan hasilnya dilihat membanggakan.

"Program ini dilaksanakan berdasarkan inovasi bioteknologi menerusi program Bio-Nexus MOSTI iaitu 'Mousticide', sejenis biolavسيد bukan toksik yang berupaya bertindak secara berkesan membunuh jentik-jentik.

"Kejayaan KBD adalah antara pencapaian terbaik MOSTI, terutama dalam mengurangkan kes denggi dalam hanya beberapa bulan menggunakan peralatan mudah," katanya selepas majlis penyerahan Kit Rumah Program KBD di sini, semalam.

Perluas program

Madius berkata, program itu memasuki fasa kedua dengan 100,000 kit rumah KBD diagih ke lokasi terpilih di sekitar Selangor,



Madius (tengah) menyampaikan Kit Rumah Program KBD kepada wakil komuniti dan wakil sekolah pada majlis penyerahan kit itu di Kuala Lumpur. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI, Prof Madya Dr Ramzah Dambul (empat dari kanan) dan Pengerusi Entogenex Industries, Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar (tiga dari kiri).

(FOTO ASYRAF HAMZAH/BH)

Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Putrajaya dan ibu negara.

Katanya, program itu akan diperluaskan ke seluruh negara dalam masa terdekat, selain penjualan kit.

Madius berkata, teknologi itu boleh diperluas ke pasaran antarabangsa berikutan potensinya dalam menangani ancaman virus zika yang belum mempunyai penawar.

"Baru-baru ini, ada pihak dari Brazil menyatakan minat mendapatkan teknologi ini, terutama menjelang temasya Sukan Olimpik di Rio De Janeiro, pertengahan tahun ini.

"Program ini mempunyai nilai mencecah RM4 bilion bagi pasaran antarabangsa," katanya.

Sementara itu, saintis EntoGenex, Dr Neil Ranaweera, ketika ditemui

berkata, molekul untuk menghasilkan Mousticide dikaji selama 23 tahun bermula di Universiti Florida, Amerika Syarikat sebelum dibawa ke Malaysia pada tahun 2007.

"Pelbagai ujian dilakukan oleh saintis sehingga Mousticide dicipta untuk menangani wabak bawaan nyamuk seperti denggi, Encephalitis, malaria, Chikungunya dan zika," katanya.



MOSTI Bakal Perluas Program Komuniti Bebas Denggi Ke Lima Negeri

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) bakal memperluaskan pelaksanaan fasa kedua program Komuniti Bebas Denggi (KBD) ke lima buah negeri dalam masa terdekat bagi mengawal penularan wabak berbahaya itu.

Program perdana yang diterajui MOSTI itu akan melibatkan negeri Perak, Pahang, Sabah, Melaka dan Negeri Sembilan dengan menumpukan kawasan yang mencatatkan kes denggi yang tinggi.

[Menteri berkenaan Datuk Seri Wilfred Madius Tangau](#) berkata fasa lanjutan itu diteruskan berikutan kejayaan memberangsangkan program KBD fasa pertama yang mencatatkan penurunan kes denggi sebanyak 49 peratus bermula dari tempoh pelaksanaannya pada Jun hingga Disember tahun lepas.

"Fasa kedua ini bakal menyaksikan penambahbaikan program dari segi penyelidikan dan pengumpulan data mengenai kes denggi sekali gus dapat mencegahnya secara segera dan efektif, selain penglibatan menyeluruh komuniti di kawasan itu," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi kepada wakil-wakil komuniti, di sini hari ini.

Justeru itu, Madius berkata kementeriaannya akan meningkatkan kerjasama bersama Kementerian Kesihatan, Institut Penyelidikan Perubatan dan kementerian berkaitan dalam usaha menangani wabak denggi serta penyakit vektor lain khususnya virus Zika.

Katanya, sebelum ini sebanyak 100,000 Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi telah diedarkan secara percuma dalam fasa pertama program KBD kepada orang ramai di Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

Kit yang merupakan hasil penyelidikan Inno Biologics Sdn Bhd dan Entogenex Industries Sdn Bhd itu mengandungi "biolarvicide mousticide" yang dapat membunuh larva nyamuk, losyen penghalang nyamuk serta perangkap Ovi Larva Aedes yang direka khas untuk membunuh sistem pembiakan nyamuk.

"Menerusi program ini juga, diharapkan kit ini dapat dijadikan contoh dalam usaha kami untuk mempromosi kegiatan komersial industri bioteknologi yang berinovasi selaras dengan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-10," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 18 MAC 2016 (JUMAAT)



Schoolchildren with the contents of the anti-dengue home kit during the presentation ceremony yesterday.
— Picture by Azneal Ishak

Home kits cut dengue cases by half

By SK Thanusha Devi
skthanusha@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — The Science, Technology and Innovation Ministry's pilot project to combat dengue has brought the number of cases down by about 49 per cent in the 30 participating localities.

Anti-dengue home kits were distributed through the Komuniti Bebas Denggi (KBD) programme at hotspots in Selangor, Kuala Lumpur and Johor from June to December last year.

The minister, Datuk Seri Madius Tangau, said the kits mainly contributed to the success rate.

"Now that we know the success rate, the 100,000 kits which we have prepared



for this programme will be distributed to other hotspots, even as far as Sabah. Prevention is always better than cure," he said after handing out the kits to several schools and community representatives here yesterday.

"The items in the kits are created by our scientists and Kuala Lumpur City Hall staff."

Each kit contains a pack of Mousticide RH biolarvicide sachets, a 500ml tub of Denguard non-toxic mosquito repellent, an Aedes larvae ovitrap — a device to trap and kill Aedes mosquito larvae — and an instruction pamphlet.

Madius said the kit would be available at retail stores at RM50 each from next month.

He also said the ministry had extended help to Brazil to tackle the Zika virus problem as the 2016 Rio Olympics was around the corner.

"We have someone coming in from Brazil tomorrow (Friday) so we can help combat the Zika virus problem there caused by the same perpetrator — the Aedes mosquitoes," he said.

Public must act to fight dengue

KUALA LUMPUR: Members of the public must do their part in fighting the dengue epidemic as the government's efforts alone will be ineffective.

Science, Technology, and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau said the government can only do so much but if the people do not clean up potential aedes mosquito breeding grounds, it will not matter.

"If the community only stood by and watch while leaving the dengue fight to the authorities, it won't change a thing," Madius said at the Kuala Lumpur Library yesterday.

He said there are already 75 fatalities from dengue fever this year according to the Health Ministry and the public must be

more conscious about environmental cleanliness.

Madius was at the library to give away "home kits" under the Dengue-free Community Programme.

The kits include 30g of "Mousticide", 500ml of Denguard cream, an Ovitrap, a CD with apps and games, and a booklet and brochure about the products and dengue.

The products were jointly developed by the ministry, Inno Biologics Sdn Bhd, and Entogenex Industries Sdn Bhd.

Madius said they have started distributing the products since June last year and areas using the products have recorded a 49% decline in dengue cases between June and December 2015. -by Lee Choon Fai



SHAHIRILL BASRI/
THESUN

Pupils check out the Dengue-free Community home kits in Kuala Lumpur yesterday.

Kesan fenomena El Nino boleh bawa strok haba, dehidrasi

Enam kawasan capai paras gelombang haba

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL dan
SHEILA RANI CHANDRASEKARAN
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 MAC

ENAM kawasan di seluruh negara dilaporkan mencapai atau melebihi paras gelombang haba sejak semalam, kesan daripada fenomena El Nino.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Madius Tangau berkata, enam kawasan tersebut ialah Chuping, Perlis; Alor Setar, Kedah; Ipoh dan Lubuk Merbau, Perak; dan Batu Embun dan Temerloh, Pahang.

"El Nino merupakan keragaman iklim yang berlaku secara tidak tetap dalam tempoh dua hingga tujuh tahun.

"Keadaan cuaca panas ini boleh mencetuskan gelombang haba, iaitu situasi yang membawa risiko kesihatan strok haba dan dehidrasi," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Madius berkata, petunjuk bagi paras ambang gelombang haba ialah suhu tertinggi harian (atau suhu maksimum) sesuatu tempat telah mencapai 35 darjah Celsius untuk lima hari berturut-turut dan telah melebihi dua darjah Celsius daripada purata jangka panjang suhu maksimum.

Jelasnya, selain itu, suhu tertinggi harian bagi tempat tersebut juga telah mencapai atau melebihi 37 darjah Celsius untuk tempoh tiga hari berturut-turut.

"Oleh itu, dalam keadaan cuaca panas dan kering ini, orang ramai dinasihatkan supaya mengehendkan aktiviti luar terutamanya bagi war-



El Nino merupakan keragaman iklim yang berlaku secara tidak tetap dalam tempoh dua hingga tujuh tahun."

MADIUS TANGAU

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Bacaan suhu 17 Mac 2016

Chuping	37°C
Alor Setar	37°C
Ipoh	36°C
Lubuk Merbau	37°C
Batu Embun	35°C
Temerloh	35°C



*Suhu normal ialah 32-33°C

ga emas, kanak-kanak dan mereka yang sensitif kepada cuaca panas.

"Mereka juga dinasihatkan untuk meminum lebih banyak air dan merujuk kepada pakar kesihatan sekiranya mengalami masalah strok haba," katanya.

Sementara itu, Madius dalam sidang akhbar dalam Majlis Penyerahan Kit Rumah Program Komuniti Bebas Denggi (KBD) berkata, fenomena Ekuinoks akan berlaku

pada 20 Mac dan 22 September ini.

"Tenaga bahang matahari yang diterima semasa ekuinoks adalah lebih tinggi kerana sudut pancaran matahari yang tepat. Justeru, ia akan menyebabkan bulan Mac dan April lebih panas berbanding dengan bulan lain.

"Namun ini bukan punca utama kepada keadaan cuaca panas dan kering yang dialami sekarang. Ia cuma menjadi faktor penambah kepada kepanasan sedia ada yang wujud disebabkan oleh keragaman iklim El Nino," katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai cadangan penubuhan jawatankuasa khas bagi merangka pelan tindakan untuk menghadapi cuaca panas dan kering negara ketika ini, Madius berkata, taklimat lanjut berkaitan perkara itu hanya akan diperolehi selepas dibentangkan ke Kabinet esok.


Katanya, Kabinet juga akan memutuskan sama ada jawatankuasa itu akan diterajui oleh kementerian atau kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

"Pada masa ini, persediaan sedang dilakukan untuk dibentangkan di Kabinet dan kita akan dapat panduan selepas proses itu," katanya.



TAKUNGAN air di Empangan Teluk Bahang, Georgetown, Pulau Pinang, semalam semakin susut berikutan cuaca panas dan kering yang diburukkan oleh fenomena El Nino melanda di negara ini. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (FENOMENA CUACA PANAS) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 18 MAC 2016 (JUMAAT)



PULAU PINANG

TAKUNGAN air di Empangan Teluk Bahang, Pulau Pinang kelihatan semakin susut semalam ekoran cuaca panas dan kering disebabkan fenomena El Nino yang kini melanda negara ini.



PAHANG

PENTERNAK ikan air tawar, Abdul Manap Khalid Ahmad melihat keadaan kolam di Kampung Pandan Dua, Kuantan yang kering akibat cuaca panas luar biasa.



MELAKA

SEBUAH traktor menggemburkan tanah sawah yang terlalu kering akibat kemarau di Kampung Tedong Merlimau, Melaka semalam.

MOSTI sahkan suhu maksimum 35 darjah Celsius dicatatkan lima hari berturut-turut 6 kawasan catat suhu tertinggi

KUALA LUMPUR – Enam kawasan iaitu Chuping di Perlis; Alor Setar, Kedah; Ipoh dan Lubuk Merbau di Perak serta Batu Embun dan Temerloh di Pahang dikenal pasti mencapai paras gelombang haba sejak semalam ekoran fenomena El Nino.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Madius Tangau berkata, fenomena El Nino itu merupakan keragaman iklim yang berlaku secara tidak tetap dalam tempoh dua hingga tujuh tahun.

"Keadaan cuaca panas ini boleh mencetuskan gelombang haba, iaitu situasi yang membawa risiko kesihatan hipeter-

mia atau strok haba dan dehidrasi.

"Enam kawasan itu dikesan mengalami paras gelombang haba iaitu suhu tertinggi harian (suhu maksimum) telah mencapai 35 darjah Celsius untuk lima hari berturut-turut. Ia juga melebihi 2 darjah

Celsius daripada purata jangka panjang suhu maksimum," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Majlis Penyerahan Kit Rumah Program Komuniti Bebas Denggi di Perpustakaan Kuala Lumpur di sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua



MADIUS

Setiausaha (Sains) MOSTI, Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul dan Pengasas yang juga Pengerusi EntoGenex Industries Sdn. Bhd., Tunku Naquiyuddin Ibni Tunku Ja'far.

Dalam pada itu, Madius memberitahu, MOSTI bersama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar buat pertama kalinya akan menubuhkan satu jawatankuasa khas tetap bagi menangani isu cuaca panas yang melanda negara ketika ini.

"Persediaan sedang dilakukan untuk membentangkan perkara

itu kepada Kabinet pada Jumaat ini (hari ini) dan panduan akan diperoleh sama ada MOSTI atau Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan bertindak sebagai peneraju bagi jawatan kuasa khas tersebut.

"MOSTI akan memberi sumbangan dari segi teknologi dan sains dalam menghadapi cuaca sebegini di masa hadapan selain memantau keadaan cuaca semasa memandangkan Jabatan Meteorologi Malaysia adalah di bawah seliaan kementerian kami," katanya lagi.

Mengulas mengenai Program Komuniti Bebas Denggi, Madius berkata, sebanyak 100,000 Kit Rumah Perlindungan Leng-

kap Denggi akan diagihkan kepada rumah-rumah terpilih di Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Putrajaya bagi fasa kedua program berkenaan.

Setiap kit rumah itu mengandungi 30 gram Mousticide (produk membunuh larva nyamuk), sebotol 500 milimeter krim penghalau serangga Denduarad, seunit Ovitrap (peralatan untuk mengesan populasi nyamuk) dan risalah.

Sejak dilancarkan Jun tahun lalu, berlaku penurunan sebanyak 49 peratus bagi kes denggi di kawasan terlibat dan ia akan terus diperluaskan di kawasan lain pada masa depan.

6 kawasan capai paras ambang gelombang haba

KUALA LUMPUR - Sebanyak enam kawasan di Malaysia telah mencapai atau melebihi paras ambang gelombang haba setakat kelmarin.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dalam satu kenyataan berkata, kawasan terlibat ialah Chuping, Perlis; Alor Setar, Kedah; Ipoh dan Lubuk Merbau, Perak serta Batu Embun dan Temerloh, Pahang.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sehingga bila keadaan itu akan berterusan.

"Cuaca panas yang dirasai pada ketika ini adalah berpunca daripada fenomena El Nino kuat. El Nino merupakan keragaman iklim yang berlaku secara tidak tetap dalam tempoh dua hingga tujuh tahun.

"Keadaan cuaca panas ini boleh mencetuskan gelombang haba, iaitu situasi yang membawa risiko kesihatan hipetermia atau strok haba dan dehidrasi," katanya.

Beliau berkata, petunjuk bagi paras ambang gelombang haba di negara ini adalah apabila suhu tertinggi harian sesuatu tempat mencapai 35 darjah Celsius untuk lima hari berturut-turut dan melebihi dua darjah Celsius daripada purata jangka panjang



“Cuaca panas yang dirasai pada ketika ini adalah berpunca daripada fenomena El Nino kuat.” - Wilfred Madius

suhu maksimum.

Paras ambang gelombang haba juga dikesan apabila suhu tertinggi harian mencapai atau melebihi 37 darjah Celsius untuk tempoh tiga hari berturut-turut bagi kawasan berkenaan, katanya.

Beliau menasihati orang ramai supaya mengehadkan aktiviti luar dan minum lebih banyak air dan merujuk kepada pakar kesihatan sekiranya mengalami masalah strok haba.

Menurut laporan Jabatan Meteorologi pada 8 Mac lalu, cuaca panas berikutan fenomena El Nino yang dialami sekarang diramal kembali normal pada Jun. - *Bernama*



Enam Kawasan Catat Suhu Tinggi 35 Darjah Celcius



Tanah merekah di Chuping Perlis akibat cuaca yang terlalu panas

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Enam kawasan di Malaysia mencatat suhu tertinggi 35 darjah Celcius dan telah mencapai atau melebihi paras ambang gelombang haba setakat semalam.

Kawasan terlibat ialah Chuping, Perlis; Alor Setar, Kedah; Ipoh dan Lubuk Merbau, Perak serta Batu Embun dan Temerloh, Pahang.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dalam satu kenyataan berkata keadaan cuaca panas ini boleh mencetuskan gelombang haba, iaitu situasi yang membawa risiko kesihatan hipertermia atau strok haba dan dehidrasi.

"Cuaca panas yang dirasakan pada ketika ini adalah berpunca daripada fenomena El Nino kuat. El Nino merupakan keragaman iklim yang berlaku secara tidak tetap dalam tempoh dua hingga tujuh tahun," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sehingga bila keadaan itu akan berterusan.

Justeru beliau menasihati orang ramai supaya menghadkan aktiviti luar dan minum lebih banyak air dan merujuk kepada pakar kesihatan sekiranya mengalami masalah strok haba.

Wilfred berkata petunjuk bagi paras ambang gelombang haba di negara ini adalah apabila suhu tertinggi harian sesuatu tempat mencapai 35 darjah Celsius untuk lima hari berturut-turut dan melebihi dua darjah Celcius daripada purata jangka panjang suhu maksimum.

Paras ambang gelombang haba juga dikesan apabila suhu tertinggi harian mencapai atau melebihi 37 darjah Celcius untuk tempoh tiga hari berturut-turut bagi kawasan berkenaan, katanya.

Menurut laporan Jabatan Meteorologi pada 8 Mac lepas, cuaca panas berikutan fenomena El Nino yang dialami sekarang diramal kembali normal pada Jun.

6 kawasan capai ambang gelombang haba

Kuala Lumpur: Enam kawasan di seluruh negara mencapai atau melebihi paras ambang gelombang haba setakat kelmarin.

Kawasan berkenaan ialah Chuping, Perlis; Alor Setar, Kedah; Lubuk Merbau dan Ipoh, Perak serta Batu Embun dan Temerloh di Pahang.

Semalam, Chuping mencatatkan suhu 38 darjah celsius manakala Alor Setar (38 darjah Celsius), Ipoh (36 darjah Celsius), Lubuk Merbau (36 darjah Celsius), Batu Embun (36 darjah Celsius) dan Temerloh (36 darjah Celsius).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau, berkata kepanasan cuaca itu berpunca daripada fenomena El Nino kuat yang sedang melanda negara.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sehingga bila kea-

INFO

Ambang gelombang haba

- ⊗ Paras suhu normal Malaysia antara 32 hingga 33 darjah Celsius
- ⊗ Paras ambang gelombang haba diukur apabila suhu kawasan mencapai 35 darjah Celsius lima hari berturut-turut
- ⊗ Keadaan cuaca kering, tiada hujan dalam tempoh panjang dan kesan fenomena El Nino kuat.



daan itu akan berterusan.

"Cuaca panas yang dirasakan pada ketika ini berpunca daripada fenomena El Nino kuat. El Nino adalah keragaman iklim yang berlaku secara tidak

tetap dalam tempoh dua hingga tujuh tahun.

"Keadaan cuaca panas ini boleh mencetuskan gelombang haba, iaitu situasi yang membawa risiko kesihatan hi-

petermia atau strok haba dan dehidrasi," katanya selepas majlis penyerahan Kit Rumah Program Komuniti Bebas Denggi di sini, semalam.

Madius berkata, cuaca panas ketika ini tidak berpunca daripada equinoks, namun tetap menjadi faktor penambah kepada kepanasan sedia ada berikutan fenomena El Nino.

Beliau turut menasihati orang ramai menghadkan aktiviti luar dan minum lebih banyak air dan merujuk kepada pakar kesihatan jika mengalami masalah strok haba.

Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online



A woman shielding herself from the sun with an umbrella in Alor Star, Kedah, yesterday. Pic by Amran Hamid

BLAZING WEATHER:
Govt depts, agencies
and schools
to get guidelines,
says minister

BEATRICE NITA JAY
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

NEW guidelines and the standard operating procedure for the heatwave action plan will be modelled after the National Haze Action Plan.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said the min-



istry was moving ahead with the action plan, with agencies, such as the Wildlife and National Parks Department and Marine Department, also involved.

He said the action plan would contain guidelines for government departments, agencies and schools regarding activities that could be af-

ected by the hot weather.

"There will be a committee formed to tackle the heatwave issue, but I cannot disclose further information as it will be discussed in the cabinet tomorrow (today)," he said, adding that the action plan involved the same group of people who had created the National Haze Action Plan.

Wan Junaidi said seven agencies would be included in the action plan, among them being the Department of Environment, Fire Department and police.

Countries that have a National Heat Action Plan include Australia, the United States (for California), Britain and India. In these countries, school ends early if temperatures hit 38°C.

The Perlis Health Department has issued an advisory to the public to

limit outdoor activities and drink plenty of water and isotonic drinks to rehydrate as the temperature soared to 39°C.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau announced that six areas in the country had recorded temperatures that hit or exceeded the heatwave threshold.

They are Chuping in Perlis, Alor Star in Kedah, Ipoh and Lubuk Merbau in Perak, and Batu Embun and Temerloh in Pahang. On Monday, Chuping recorded a reading of 39°C.

The heatwave indicator is triggered when the highest daily temperature in a certain area reaches 35°C for five consecutive days.

Page 1 pic: A farmer drinking water to cool down in Chuping, Perlis, yesterday.

Planting season delayed

All ready to till the soil – except there's just no water

FOUR states have hit 'heat wave' status, with six areas exceeded the threshold of being considered a heat wave.

The areas are Chuping in Perlis; Alor Setar in Kedah; Ipoh and Lubok Merbau in Perak; and Batu Embun and Temerloh in Pahang, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau.

The indicator for a heat wave is when the highest temperature daily (or maximum temperature) reaches 35°C five days in a row, and also has increased by more than two degrees from the long-term average maximum temperature; or when the highest daily temperature reaches or exceeds 37°C degrees for a period of three consecutive days.

ALOR SETAR: Padi farmers in Kedah and Perlis here have got their plots ready, tilled the land and prepared the soil to begin the planting for the new season. But they are just sitting around.

They cannot plant because the rains are not coming and there is a water shortage. They have been forced to delay their new planting season which is supposed to be between now and April.

Mad Kamal Ismail, 48, from Kampung Tempayan Pecah, Mukim Ayer Hitam said his plot was ready for sowing two weeks ago.

"I am waiting for the water to be released but it's not been done yet. The problem is even if the water is released, it will flow into the main irrigation canal, which is far from my fields.

"Because the water level is so low now, I'm afraid it may not flow into the sub-canal to reach my plot," he said, adding that at the moment, the sub canal had dried up.

He said 10 relong (2.8ha) of padi field had dried up because water from the main irrigation canal could not reach the area.

"The water shortage problem has affected most padi farmers in

Kedah and Perlis," he said.

Mad Kamal said the only way to overcome this problem was to flood the fields with water from Pedu, Muda, Beris and Ah Ning dams.

Abdullah Wan Teh, 45, from Hutan Tualang in Ayer Hitam said his padi field had also faced the same problem since January.

"My income has been affected as I depend solely on the padi field," he said.

Padi farmers Yudoh Kamis, 75, and Hatijah Ahmad Saad, 63, from Kampung Kok Klang in Chuping, Perlis, also could not do any planting.

"Now, I have no income and depend on my son to give me money for my daily expenses," said Yudoh.

"There are about 100 relong of padi fields in Kok Klang with 300 families. All face the same problem."

